

12/10/1998

Promosi pelancongan diperhebat tahun depan

SEREMBAN, Ahad - Kempen promosi pelancongan akan diperhebatkan dan lebih menyeluruh mulai tahun depan bagi meningkatkan kedatangan pelancong ke negara ini, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik. Beliau berkata, ini bermakna peruntukan terhadap kempen promosi turut akan ditambah tetapi belum dapat diumumkan sekarang.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah bersetuju supaya kempen promosi pelancongan diperhebatkan," katanya selepas merasmikan Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999 (TMNS '99) di Dewan Perbandaran Seremban, malam tadi.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri, Datuk Lilah Yasin.

Sabbaruddin semalam dilaporkan berkata, bilangan pelancong ke negara ini tahun lalu merosot kepada 6.2 juta orang berbanding 7.2 juta pada 1996.

Katanya, hasil pendapatan turut menurun dari RM11.2 bilion pada 1996 kepada RM10.5 bilion tahun lalu.

Sehubungan itu, katanya Perdana Menteri sendiri akan mempengerusikan mesyuarat Selasa ini, bagi membincangkan usaha memperhebatkan kempen promosi pelancongan.

Menurutnya, kempen promosi bukan saja di peringkat antarabangsa, tetapi pasaran domestik yang diakui memberi sumbangan besar menggerakkan industri pelancongan.

Katanya, antara bentuk promosi termasuk melalui iklan, penerbitan risalah dan peta pelancongan serta menjemput wartawan asing melihat sendiri keadaan sebenar negara ini.

(END)